

SULIT

Bahasa Melayu

Kertas 1

NOVEMBER 2022

2 Jam

1103/1

No Kad Pengenalan :

						-						
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--

Nama :

Tingkatan :



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 SPM
NOVEMBER 2022**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
DUA JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **soalan Bahagian A** dan **satu** soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya helaian tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Markah:

Bahagian A	/30
Bahagian B	/70
JUMLAH	/100

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak termasuk muka depan.

**[Lihat Sebelah]
SULIT**

BAHAGIAN A

[30 Markah]

Maklumat dibawah berkaitan dengan kitar semula.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan kitar semula**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Bahan 1

Gurindam Alam Sekitar

Jika alam kita pelihara,
Hidup tenang hati gembira.

Jika kita mampankan alam,
Hidup kita tidaklah kelim.

Jika alam kita cemari,
Kelak bencana sukar dihindari.

Jika alam menghijau damai,
Jiwa tenang kasih tersemai.

*Dipetik dan diubah suai ;
Buku Teks Bahasa Melayu
Tingkatan 5 KSSM*

Bahan 2

JOM Kitar Semula

Amalan lestari mampu wujud suasana kondusif di persekitaran

Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan baharu yang dikategorikan sebagai inovasi. Amalan kitar semula bukan sahaja mengurangkan pencemaran, malah dapat menangani masalah kekurangan tapak pelupusan sampah selain dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.



Bahan 3

Kesedaran 3R Melestarikan Alam Sekitar

MAR 13, 2020



Laporan/Foto : Noorshazana Shaadan (Port Dickson) / Norfazila Ahmad (Politeknik Nilai)

PORT DICKSON, 12 Mac (Malaysiaaktif) – Kesedaran terhadap kebersihan dan kelestarian alam sekitar adalah satu intipati dalam pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara yang dilancarkan tahun lalu oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pengaruh SWCorp Negeri Sembilan, Nordin Amat, berkata para pelajar akan bergiat aktif dalam aktiviti kesedaran 3R (*Reuse, Reduce and Recycle*) melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti kesedaran pendidikan yang diberikan.

Bahagian B

[70 Markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 20 minit]

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

SOALAN 1

Hampir satu perempat daripada populasi penduduk global terdapat di empat negara paling tercemar di Asia, iaitu Bangladesh, India, Nepal, dan Pakistan. AQLI mendapati jangka hayat kesemua penduduk di keempat-empat negara itu secara purata akan berkurangan sebanyak lima tahun, selepas terdedah kepada pencemaran, 44 peratus lebih tinggi berbanding 20 tahun lalu. Kajiannya juga mendapati pencemaran turut muncul sebagai masalah signifikan di seluruh Asia Tenggara, susulan kebakaran hutan dan tanaman, selain kesesakan jalan raya sehingga menyebabkan udara dipenuhi bahan toksik.

Sumber dipetik dan diubah suai daripada artikel “ *Pencemaran Udara Risiko Jangka Hayat Global*”
Berita Harian Dalam Talian, 2 Ogos 2020.

Petikan artikel di atas menjelaskan pencemaran udara menyebabkan pelbagai implikasi sehingga dapat memendekkan jangka hayat manusia. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran udara.

Huraikan langkah-langkah tersebut.

SOALAN 2

“ Saya tidak menyangka akan memperoleh keputusan semua A+ bagi semua subjek yang diambil kerana keputusan peperiksaan percubaan saya hanya memperoleh 3A+, 2A-, dan 6A. Subjek Biologi dan sejarah antara yang paling mencabar dan bagi peperiksaan ini, saya banyak menumpukan perhatian dan ulang kaji bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru-guru dan rakan-rakan juga tidak jemu membantu saya. Dalam pada itu, Program Duta Guru juga banyak membantu kami untuk memahami topik yang sukar dengan jelas. Dari situ, kami berkongsi pandangan dan membantu satu sama lain untuk menguasai semua mata pelajaran dengan mudah”

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada ucapan murid cemerlang SPM 2019, Darwish, MyMetro,
9 Mac 2020

Petikan ucapan atas kejayaan cemerlang anda dalam SPM telah menjadi inspirasi kepada rakan anda untuk berkongsi rahsia kejayaan anda. Hal ini demikian kerana, prestasi pelajarannya masih kurang memuaskan walaupun dia banyak menghabiskan masanya untuk mengulang kaji pelajaran.

Balas surat rakan anda itu selengkapnya.

SOALAN 3

Kemunculan pandemik COVID-19 telah menyebabkan hampir seluruh dunia melakukan sekatan pergerakan. Di negara kita, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian wabak tersebut. Tindakan PKP ini telah menyebabkan penutupan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ekoran penutupan sekolah dan universiti sejak PKP fasa 1 di Malaysia, proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah bertukar kepada sesuatu yang bukan baharu tetapi mula dilihat sebagai pilihan yang tepat pada ketika ini, iaitu pembelajaran secara maya. Kelas -kelas maya telah mula dipraktikkan oleh guru di sekolah dan pensyarah di universiti bagi memastikan pelajar masih dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran.

Sumber : UMP News, 27 Mei 2020

Petikan di atas membicarakan pendidikan secara maya yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan universiti sewaktu wabak COVID-19 melanda seluruh dunia.

Berikan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan pendidikan secara maya.

SOALAN 4

Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan modul keusahawan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk membantu bakal graduan menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian. Hal ini juga sebagai langkah untuk melahirkan usahawan dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, modul ini bertujuan untuk mengelakkan siswazah terlalu bergantung pada sektor awam dan swasta bagi mendapatkan perkerjaan. Malangnya, selepas lapan tahun, sasaran tersebut masih gagal dicapai kerana siswazah tidak banyak berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada “Siswazah Pilih Kerja?” oleh Ruhaiza Rusmin, *Harian Metro* 19 Mei 2015.

Petikan di atas menunjukkan minat graduan yang kurang dalam bidang keusahawan walaupun pusat pengajian tinggi memperkenalkan modul keusahawan kepada mereka. Kesannya, kadar pengganguran dalam kalangan graduan masih tinggi. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu untuk meningkatkan pelibatan para graduan dalam bidang keusahawan.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk meningkatkan pelibatan para graduan dalam bidang keusahawanan.